

PM: Masih ada kecuaiian peringkat penguatkuasaan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim @medi3mulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri menegur peringkat penguatkuasaan dalam sektor perkhidmatan awam yang didapati masih wujud kecuaiian sehingga menyukarkan rakyat mendapatkan perkhidmatan dengan cara mudah dan terbaik.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, walaupun ada kesungguhan dalam kalangan pimpinan dan penjawat awam mengorak langkah lebih pantas dalam memastikan perubahan pentadbiran kerajaan, namun situasi itu masih berlaku sehingga meresahkan rakyat.

Justeru, kata beliau, setiap penjawat awam di semua peringkat perlu ada tanggungjawab terhadap setiap sen yang dibelanjakan kerana ia dipertanggungjawabkan kepada mereka untuk melakukan yang terbaik.

“Tapi tentunya masih ada di peringkat penguatkuasaan saya lihat ada lagi sedikit sebanyak kecuaiian, kalau tidak ditangani akan menyebabkan rakyat resah.

“Kita kata bebaskan perhambaan, tetapi terpaksa berbaris berjam-jam untuk mendapatkan apa-apa lesen dan sebagainya, itu bagi saya perlu diperbaiki.

“Saya selalu ambil contoh, apakah kalau saya terpaksa berbaris di situ, kalau dikata-



ANWAR Ibrahim beramah-mesra dengan warga JPM selepas mengadakan perjumpaan bulanan di Putrajaya, semalam.

- UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

kan jumlah miskin tegar sekian-sekian peratus, apa kata kalau keluarga saya dalam kategori itu? Kalau kita melihat dari segi itu baru lah maksud bebaskan manusia dari segala bentuk perhambaan sekali gus boleh memberi makna kepada madani,” katanya berucap dalam perjumpaan bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Anwar berkata, martabat negara mampu diangkat ke tahap

lebih tinggi sekiranya amalan pentadbiran kerajaan diubah melalui kekuatan dan tekad baharu dengan membebaskan rakyat dan negara dari keterlanjuran yang berlaku.

Menurut beliau, semua pimpinan kerajaan dan penjawat awam perlu meletakkan keutamaan itu dengan membebaskan segala bentuk perhambaan dan penindasan, memperbodohkan dan memiskinkan serta mengambil harta rakyat sehingga hak mereka tersisih.

Beliau pada masa sama tidak mahu terpuak dengan slogan baharu atau menambah satu lagi slogan untuk dihafal, tetapi makud kepada slogan itu perlu difokuskan terutama barisan jemaah menteri dan penjawat awam untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan elemen amanah dan percaya.

“Saya tidak nafikan setiap arahan, setiap perjumpaan ada kesungguhan, baik soal penguurusan pekerja asing atau beberapa dasar lain seperti menangani banjir atau keputusan semalam menghantar pasukan SMART dalam keadaan segera ke Turkiye,” katanya.

Perdana Menteri meletakkan komitmen dan keyakinan kerajaan perpaduan mampu mengetepikan pertelingkahan lalu dan bekerjasama mengangkat konsep Malaysia Madani.

Beliau berkata, ia dapat dicapai melalui kesatuan pemikiran semua anggota pentadbirannya dan tekad yang sama walaupun beliau dan timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi merupakan seteru politik.

“Saya dari segi peribadi, setakat ini pasukan ini nampak bekerja, walaupun latar belakang pelbagai dan sejarah pertelingkahan dan pergaduhan besar terutama Timbalan Perdana Menteri di kanan saya, tetapi alhamdulillah tidak boleh dinafikan ada kesatuan pemikiran dan tekad itu wujud,” katanya.